KEMENTERIAN PENDIDIKAN
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang,
Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
2755, Jalan Sentosa
86000 Kluang, Johor Darul Takzim

Tel : 07-7722946
Laman Web : www.ppdkluang.edu.my

Ruj. Kami : PPDKLG.600-3/3/1 Jld.4 ( 64 )
Tarikh : Jun 2025

TERIMA : 19 JUN 2025

Guru Besar,
Sekolah-sekolah Rendah Daerah Kluang.

Tuan,

**PERTANDINGAN *DARE TO SPELL* KARNIVAL SEMARAK PERPADUAN BAHASA INGGERIS SEKOLAH RENDAH PERINGKAT DAERAH KLUANG TAHUN 2025**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa SK (L) Bandar, Kluang selaku pengelola dengan kerjasama Sektor Pembangunan Murid, Pejabat Pendidikan Daerah Kluang akan menganjurkan pertandingan tersebut mengikut ketetapan berikut:

| | |
|---|---|
| **Tarikh** | **: 26 Jun 2025 ( Khamis )** |
| **Masa** | **: 7.30 pagi hingga 5.00 petang** |
| **Tempat** | **: SK (L) Bandar, Kluang** |

3. Sehubungan dengan itu, mohon kerjasama pihak tuan untuk memberi pelepasan kepada guru dan murid yang terlibat dalam pertandingan ini (Lampiran 1). Sebagaimana telah diputuskan dan dipersetujui sebulat suara dalam mesyuarat pengelolaan pada 16 Jun 2025 (Isnin) di SK (L) Bandar, bahawa setiap sekolah yang menyertai pertandingan ini dikenakan yuran penyertaan sebanyak **RM 25.00 bagi setiap peserta** (Rujukan surat kelulusan: *JPNJ.600-4/5/11 JLD.9(28), 16 Mei 2025*). Bayaran ini adalah untuk urusan pengelolaan. Untuk makluman, makan dan minum peserta adalah di bawah tanggungan sekolah masing-masing.

4. Pembayaran boleh dibuat secara tunai atau cek kepada sekolah pengelola di atas nama **Guru Besar Sek Keb Lelaki Bandar Kluang** selewat-lewatnya pada **26 Jun 2025.**

5. Kerjasama daripada pihak tuan amat kami hargai. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada En. Hairul Azuan Bin Ahdan, Penolong PPD Pembangunan Bakat Murid di talian 07-7741103.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan. Terima kasih.

***"SYNERGY IN EXECUTION: CONQUER THE CHALLENGE"***
**"MALAYSIA MADANI"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(HAJI AYUB BIN IBRAHIM)**
Pegawai Pendidikan Daerah Kluang
Pejabat Pendidikan Daerah Kluang.

s.k Fail Ko-Akademik Sekolah Rendah

SJK (T) LADANG ULU REMIS
UNTUK PERHATIAN
- [ ] GPK 1
- [x] GPK KK Pn. Renuga.
- [ ] GPK HEM
- [ ] 
- [ ] Tindakan SEGERA
- [ ] Untuk Makluman
- [ ] Untuk Perbincangan
- [ ] Simpanan Fail
- [ ] Wakilkan Saya En. Yuvanesan.
- [x] Sila Hadir ~~Cik Bavithra~~
- [ ] Untuk Edaran
- [ ] 

Guru Besar Tarikh 19/6/2025